

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

JUDUL: AMALAN KESELAMATAN DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN
EMPAT KURSUS AMALAN BENGKEL MESIN ALIRAN VOKASIONAL,
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI
NEGERI JOHOR.

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya : GAN CHOON KWI
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDA TANGAN PENULIS)

Disahkan oleh

(TANDA TANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

6 KG MAJU,
86600 PALOH,
KLUANG, JOHOR.


EN. MOHD. SAFARIN BIN NORDIN
Nama Penyelia

Tarikh: 2.3.04.

Tarikh: 2.3.2004

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi penzaitan secara keria kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : ENCIK MOHD. SAFARIN BIN NORDIN
Tarikh : 2.3.2004

AMALAN KESELAMATAN DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT
KURSUS AMALAN BENGKEL MESIN ALIRAN VOKASIONAL. SATU TINJAUAN
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH TEKNIK DI NEGERI JOHOR.


GAN CHOON KWI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan.
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : 
Nama Penulis : GAN CHOON KWI
Tarikh : 2.3.2004

DEDIKASI

Buat mak, mak mertua serta adik beradik yang tersayang
terima kasih atas nasihat, sokongan dan bantuan yang diberikan

Istimewa untuk suami yang tersayang

LEE FOOK ON

Doa, kasih sayang serta pengorbananmu sentiasa dalam ingatan .

Untuk anakku

LEE YEE JIE

Ibunda doakan agar anakanda juga akan sampai ke tahap ini nanti.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan Projek Sarjana Muda ini. Semoga Tuhan sentiasa memberi petunjuk kepada saya untuk terus mencurahkan bakti dan sumbangan kepada masyarakat melalui bidang pendidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada ENCIK MOHD. SAFARIN NORDIN selaku pembimbing projek ini. Dengan adanya tunjukcara, bimbingan serta dorongan, nasihat dan teguran yang diberikan, dapatlah saya menyiapkan projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Muar, Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat, Sekolah Menengah Teknik Kluang, Sekolah Menengah Teknik Tanjung Puteri dan Sekolah Menengah Teknik Segamat, atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat dalam penghasilan projek ini.

SEKIAN TERIMA KASIH

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini dijalankan untuk mengkaji tentang amalan keselamatan bengkel di kalangan pelajar-pelajar Amalan Bengkel Mesin (ABM) semasa melakukan kerja amali di dalam bengkel. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmana pelajar mengutamakan aspek keselamatan diri dan mengenalpasti sikap pelajar terhadap amalan keselamatan bengkel semasa berada di dalam bengkel. Populasi kajian ini terdiri 120 orang pelajar yang terdapat di empat buah sekolah teknik di negeri Johor. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik yang disediakan di mana bahagian A merangkumi maklumat yang berkaitan dengan diri responden manakala bahagian B perlu berkaitan dengan pernyataan untuk mendapat maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian- *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) for Windows versi 11.5. untuk mendapatkan nilai kekerapan, min dan peratusan. Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar ABM di sekolah-sekolah teknik di negeri Johor mempunyai amalan yang baik terhadap keselamatan bengkel. Pelajar-pelajar menunjukkan respon yang sangat baik terhadap amalan mempraktikkan langkah-langkah keselamatan ketika melakukan kerja amali di bengkel. Pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan mesin dan peralatan di dalam bengkel. Di samping itu, pelajar-pelajar juga mempunyai sikap yang baik terhadap amalan keselamatan bengkel dan penggunaan pakaian dan peralatan pelindung diri yang sangat baik semasa melakukan kerja amali di dalam bengkel. Namun begitu, masih terdapat segelintir pelajar yang tidak mengamalkan keselamatan ketika melakukan kerja amali di bengkel. Perkara ini perlu diberi perhatian dan kerjasama semua pihak adalah diharapkan bagi meningkatkan amalan keselamatan bengkel di kalangan pelajar sekolah teknik di negeri Johor mahupun di seluruh negara. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memberi panduan kepada pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah tersebut

ABSTRACT

The aim of this description research was to study safety practice among the ABM students while performing their practice in the workshop. The objective was to identify the character of student in term of their safety while at work and how much attention is paid for the safety aspect. The population was 120 students from four technical schools around Johor. This study used questionnaire as the instrument. Then instrument used to collect the data include survey. The surveys contain two parts mainly part A, which identify the student and part B where relevant statement were proposed. Data collection will be analyze by a software know as *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS)* for Windows verse 11.5 to get the frequency, mean and percentage value. As a whole, the findings show that students ABM from the technical school in Johor possess a good safety practice in the workshop. Students gave very good response in undergoing the procedure of safety practice. Students empowered with knowledge and standard skills in handling the machines and tools found in the workshop. Besides this, students have a good attitude in the safety practice and towards the use of attire and self-protection tool when doing their practical work in the workshop. However, there is still a minority of students that did not follow the safety practice when undergoing their practical work in the workshop. Thus this matter needs attention from all the related parties in solving the problem in the technical school in Johor as well as Malaysia. Therefore, few solutions are proposed that hoped to give guidance to the school authority.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	PENGESAHAN PENYELIA	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGAKUAN	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	KANDUNGAN	ix
	SINGKATAN	xiv
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB I PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Batasan Kajian	9
1.8	Definisi Operasi	10
	1.8.1 Amalan Keselamatan	10
	1.8.2 Sikap	11

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	1.8.3 Pengetahuan	11
	1.8.4 Kemahiran	12
	1.8.5 Bengkel	12
1.9	Penutup	12
BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Penggunaan Pakaian Dan Peralatan Pelindung Diri	16
2.3	Pengetahuan Dan Kemahiran Mengendalikan Mesin Dan Peralatan	18
2.4	Mempraktikkan Langkah – Langkah Keselamatan Ketika Menjalankan Kerja Amali Di Bengkel	21
2.5	Sikap Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Di Bengkel	23
2.6	Penutup	25
BAB III	METOLOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.3	Tempat Kajian	27
3.4	Populasi Kajian	27
3.5	Instrumen Kajian	28
	3.5.1 Bahagian A	29
	3.5.2 Bahagian B	30

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	3.6	Prosedur Kajian 31
	3.7	Kajian Rintis 32
	3.8	Analisis Data 33
	3.9	Penutup 37
BAB IV	ANALISIS DATA	
	4.1	Pendahuluan 38
	4.2	Bahagian A : Analisis Maklumat Diri 39
		Responden
	4.2.1	Sekolah 39
	4.2.2	Jantina 40
	4.2.3	Bangsa 40
	4.2.4	Minat Terhadap Kursus 41
	4.2.5	Kecederaan Ringan Yang Pernah 42
		Dialami Semasa Melakukan
		Kerja Amali Di Bengkel
	4.3	Bahagian B : Analisis Dapatan Kajian 42
	4.3.1	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Satu 43
	4.3.2	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Dua 46
	4.3.3	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Tiga 50
	4.3.4	Hasil Dapatan Persoalan Kajian Empat 53
	4.3.5	Kesimpulan 57
	4.4	Penutup 58
BAB V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	5.1	Pengenalan 58

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
5.2	Rumusan	60
5.3	Perbincangan	61
	5.3.1 Maklumat Diri Pelajar	62
	5.3.2 Perbincangan Berdasarkan Persoalan Kajian	
	5.3.2.1 Pakaian dan peralatan pelindung diri yang digunakan oleh pelajar semasa menjalankan kerja amali di bengkel	63
	5.3.2.2 Penguasai Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Mengendalikan Mesin Dan Peralatan Di Dalam Bengkel	66
	5.3.2.3 Sikap Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Semasa Melakukan Kerja Amali Di Dalam Bengkel	69
5.4	Cadangan	
	5.4.1 Pakaian dan peralatan pelindung diri yang digunakan oleh pelajar semasa menjalankan kerja amali di bengkel	72
	5.4.2 Mempraktikkan Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Menjalankan Kerja Amali Di Dalam Bengkel	73

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	5.4.3 Penguasai Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Mengendalikan Mesin Dan Peralatan Di Dalam Bengkel	75
	5.4.4 Sikap Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Semasa Melakukan Kerja Amali Di Dalam Bengkel	76
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.6	Penutup	77
	Rujukan	79
	Lampiran A - G	84

SINGKATAN

OSHA	-	Akta Keselamatan Pekerja Dan Kesihatan
NOISH	-	National Institute Of Organisation Safety And Health
PERKESO	-	Pertubuhan Keselamatan Sosial
ABM	-	Amalan Bengkel Mesin
EPRD	-	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
SPSS	-	Statistical Packages For Social Sciences
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
S.M.T	-	Sekolah Menengah Teknik
ATS	-	Amat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
S	-	Setuju
AS	-	Amat Setuju

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Taburan soalan mengikut setiap persoalan	30
1.2	Skala likert	31
1.3	Skala likert	35
1.4	Pemeringkatan skala likert	35
1.5	Skala skor min	35
1.6	Perubahan skor min dan skala	36
1.7	Skala pemeringkatan skor min	37
4.1	Taburan dan peratusan responden mengikut sekolah	39
4.2	Taburan dan peratusan responden mengikut jantina	40
4.3	Taburan dan peratusan responden mengikut bangsa	40
4.4	Taburan dan peratusan responden mengikut minat Pelajar terhadap kursus	41
4.5	Taburan dan peratusan responden mengikut Kecederaan ringan yang pernah dialami semasa Melakukan kerja amali di bengkel	42
4.6	Taburan peratusan dan min mengenai aspek Penggunaan pakaian dan peralatan pelindung diri	44
4.7	Taburan peratusan dan min mengenai aspek mempraktikkan langkah-langkah keselamatan ketika menjalankan kerja amali di bengkel	48
4.8	Taburan peratusan dan min mengenai aspek menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan mesin dan peralatan di dalam bengkel	51
4.9	Taburan peratusan dan min mengenai aspek sikap pelajar terhadap amalan keselamatan bengkel	55

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A.	Borang Soal Selidik	84
B.	Salinan Surat Pengesahan Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada EPRD	90
C.	Salinan Surat Pengesahan Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada JPN Johor.	92
D.	Salinan Surat Pengesahan Dari Fakulti Pendidikan UTM	92
E.	Dapatan Kebolehpercayaan Alpha	94
F.	Dapatan Hasil Kajian Bahagain A	96
G.	Dapatan Hasil Kajian Bahagian B	97

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan individu yang berdisiplin dan berkemahiran supaya dapat menjadi seorang pekerja yang produktif dan cekap. Bidang pendidikan boleh diibaratkan sebagai kilang pengeluar sumber manusia negara menjelang alaf baru. Keperluan sumber manusia ini merupakan cabaran untuk meningkatkan dan memajukan bidang teknikal dan vokasional. Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Jabatan Teknik dan Vokasional telah membangunkan Pendidikan Teknik Dan Vokasional dari masa ke masa. Kewujudan sekolah-sekolah menengah teknik adalah salah satu faktor penyumbang bagi menyediakan sumber tenaga, khususnya melahirkan pelajar-pelajar aliran teknikal dan vokasional.

Dalam Rancangan Malaysia Ke -6, matlamat pembangunan sumber manusia adalah merupakan teras utama di dalam pembangunan negara kerana pencapaian matlamat sosial ekonomi bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan boleh dilatih (Rancangan Malaysia Ke-6, 1991). Dengan itu,

sumber manusia ini perlu dibangunkan dan dilatih supaya mempunyai sikap kerja yang betul dan nilai-nilai positif seperti berdisiplin, tekun dan dedikasi. Ishak Haron (1992), menegaskan bahawa industri yang berteknologi memerlukan tenaga kerja yang berdisiplin, yang dilengkapi dengan asas kemahiran yang lebih luas serta mempunyai budaya dan etika kerja yang positif.

Untuk memenuhi keperluan sektor industri, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pelbagai bidang kemahiran dan pengetahuan. Pelajar-pelajar ini juga dilatih bagaimana hendak menggunakan peralatan tangan serta pengendalian mesin.

Dalam usaha mempelajari dan memenuhi semua kemahiran ini pelajar bukan sahaja berdepan dengan kemungkinan berlakunya kesilapan dan kegagalan tetapi juga akan menghadapi pelbagai risiko kecuai dan kemalangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Kemalangan yang terjadi di dalam bengkel bukan sahaja akan mengakibatkan kerosakan harta benda dan kecederaan anggota badan manusia malah boleh membawa maut.

Oleh itu kesedaran terhadap amalan keselamatan dan penggunaan alat dan mesin perlu ditanam kepada setiap pelajar untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan. Amalan ini perlulah diamalkan oleh setiap pelajar semasa di bengkel sekolah lagi dan seterusnya diamalkan setelah memasuki alam pekerjaan kelak. Ini bermakna penerapan amalan keselamatan ini seharusnya dimulakan semenjak individu itu di alam persekolahan lagi.

Penglibatan pelajar terhadap penggunaan mesin dan alatan semasa melakukan kerja amali mendedahkan pelajar kepada risiko kemalangan baik diri mereka mahupun orang lain. Laporan International Labour Office, (1990) menyatakan bahawa kebanyakan kemalangan melibatkan alatan tangan disebabkan kelemahan pelajar itu sendiri seperti cuai semasa membuat kerja, kegagalan menggunakan alat yang betul untuk sesuatu jenis kerja amali dan tidak mengambil berat akan kesempurnaan alat. Menurut Laney (1982) sikap cuai, tidak peduli atau tidak mengambil berat perkara yang

berkaitan dengan keselamatan serta disiplin kerja yang lemah merupakan punca kejadian kemalangan. Bersikap positif, kesedaran dan keperhatian terhadap amalan keselamatan dapat memastikan keselamatan terjamin.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang begitu pesat pada masa kini telah menyakinkan negara kita Malaysia untuk mencapai hasratnya iaitu menjadi sebuah negara maju yang bermoral tinggi serta disegani oleh negara-negara lain menjelang tahun 2020. Kini sektor perindustrian adalah nadi penggerak ekonomi dan pembangunan negara. Seperti mana yang diketahui Malaysia adalah sebuah negara yang berlandaskan sumber industri, kini produk-produk buatan Malaysia telah diterima oleh dunia dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Pekerja merupakan salah satu faktor penting dalam menjayakan sektor perindustrian ini. Terdapat kajian menunjukkan apa yang sebenarnya diperlukan oleh kebanyakan majikan ialah pekerja yang mempunyai sikap, nilai dan etika kerja yang baik. Mereka tidak mahu pekerja yang mahir tetapi pandai menipu, tidak taat dan tidak mempunyai etika kerja yang baik. Apa yang mereka mahu ialah pekerja yang amanah, jujur, taat, rajin bekerja dan mematuhi peraturan (Zakaria, 1995).

Pelbagai akta berkaitan keselamatan pekerja telah digubal bagi menjamin pekerja sentiasa dibela dan mengurangkan kemalangan industri. Antaranya ialah Akta Ordinan Penggajian 1995, Ordinan Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) 1994. Akta ini menyediakan rangka kerja pandangan untuk memaju, merangsang dan menggalakkan piawaian yang tinggi bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Tujuan utama akta ini adalah untuk mengekalkan atau

meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan, memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja dan melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada pekerja di tempat kerja dan menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan yang sesuai dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka.

Selain daripada itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan kemudian menjadi Badan Berkanun mulai 1 Julai 1985. PERKESO mentadbirkan skim keselamatan sosial yang memberi perlindungan kepada para pekerja terhadap beberapa kejadian luar jangka seperti bencana pekerjaan termasuk kemalangan semasa perjalanan, keilangan dan kematian.

Berdasarkan laporan kemalangan yang dikeluarkan oleh PERKESO, sejak kebelakangan ini jumlah kemalangan perusahaan semakin menurun. Pada tahun 1995, jumlah kemalangan dilaporkan sebanyak 114,134 kes, diikuti 1996 sebanyak 106,505 kes 86,589 kes pada tahun 1997, manakala bagi tahun 1998 dan 1999 adalah sebanyak 85,338 kes 92,074 dan kes. Pada tahun 2001 menunjukkan perununan sebanyak 9,777 kes berbanding dengan kes kemalangan yang berlaku pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 95,006 kes. Penurunan kemalangan perusahaan ini menandakan wujud kesedaran keselamatan pekerjaan di kalangan individu. Walaupun kadar kemalangan industri di negara kita semakin menurun, namun kerajaan masih belum berpuas hati. Ini adalah kerana mengikut laporan daripada Kementerian Sumber Manusia, penurunan tersebut masih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain (Kementerian Sumber Manusia, 1999). Kepentingan menjaga keselamatan penting kerana ia dapat menghalang pengaliran keluar wang bagi membayar pampasan akibat bencana pekerjaan.

Kajian oleh NOISH di Amerika Syarikat mendapati bahawa kumpulan pekerja yang paling ramai (1.78 % daripada setiap 100,000 pekerja) terlibat dalam kemalangan di tempat kerja adalah di kalangan mereka yang berusia 29 ke bawah (Journal Injury Prevention, December 1997). Seperti mana yang diketahui bahawa pelajar – pelajar di

sekolah menengah adalah tergolong dalam kumpulan ini. Hal ini amat membimbangkan kerana pelajar-pelajar ini akan melangkah keluar untuk bekerja pada masa hadapan. Oleh itu bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan ke atas pelajar, kita haruslah mendedahkan amalan keselamatan pada mereka semasa mereka di bangku sekolah lagi. Di sekolah teknik, pelajar – pelajar aliran vokasional bukan sahaja belajar mata pelajaran teori malah mereka dilatih untuk menggunakan pelbagai jenis peralatan tangan yang sehalus jarum benang sehinggalah kepada mengendalikan mesin-mesin yang besar, berat dan yang boleh membahayakan diri seperti mesin kimpalan gas dan arka, mesin larik, mesin kisar dan sebagainya.

Oleh yang demikian, budaya keselamatan di tempat kerja perlu diterapkan dari alam persekolahan agar menjadi amalan rutin pelajar sehingga mereka memasuki alam pekerjaan. Budaya ini juga akan dapat meningkatkan produktiviti dan akan menguntungkan majikan dan pekerja. Negara Jepun telah mewujudkan budaya itu dalam masyarakat mereka semenjak di alam persekolahan dan hasilnya ia telah sehati dengan rakyat negara itu. Oleh itu amalan bekerja dengan selamat dan sihat sebagai satu budaya dalam kehidupan amat penting. Dengan itu, para pelajar perlulah mengamalkan keselamatan bengkel ketika di alam persekolahan agar mereka dapat meneruskan amalan ini ketika mereka bekerja di industri.

Secara lazimnya, terdapat peraturan-peraturan keselamatan bengkel di sekolah, tetapi bagi pelajar yang masih mentah dan kurang pengalaman, adakah mereka akan sentiasa amalkan dan patuhinya sepanjang masa ? Dengan itu, langkah – langkah yang sewajarnya perlulah diambil untuk memelihara dan menjaga keselamatan pelajar yang terbabit. Pelajar akan diingatkan dari masa ke semasa supaya mereka dapat membentuk budaya kerja yang selamat untuk diri sendiri, orang lain, alatan dan persekitaran.

Di dalam kursus Amalan Bengkel Mesin umpamannya, pelajar akan berhadapan dengan pelbagai risiko kemalangan ketika melakukan kerja amali di bengkel. Kemalangan mungkin boleh berlaku semasa aktiviti penyediaan bahan untuk projek amali ketika mengendalikan pelbagai jenis mesin yang besar dan canggih, penggunaan

alat pemotong dan alat tangan yang tajam. Kemalangan atau kecederaan yang berlaku bukanlah semata-mata kerana takdir atau lumrah alam. Ianya pasti mempunyai kaitan dengan berbagai perkara seperti sikap kefahaman diri, alat perlindungan diri dan pakaian keselamatan, amalan keselamatan terhadap diri, alatan dan mesin serta persekitaran tempat kerja. Kemalangan dan kecederaan tidak dapat dielakkan sepenuhnya tetapi dapat dikurangkan atau dicegah sekiranya semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bengkel bekerjasama dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab supaya peraturan keselamatan bengkel dapat diamalkan oleh semua pelajar.

Kemalangan yang berlaku mungkin disebabkan kesilapan kecil atau gabungan kecuaiian yang melibatkan pentadbiran pertolongan kecemasan di dalam makmal bagi sebuah organisasi, sikap ahli-ahli semasa menjalankan tugas masing-masing ataupun kekurangan kelengkapan dan penyenggaraan makmal secara keseluruhannya (Halimaton dan Zaiton, 1997).

Menurut Mohd Bahkri (1999), keselamatan di dalam bengkel akan lebih rumit jika bilangan pelajar yang terlalu ramai menggunakan ruang / kemudahan peralatan yang sedia ada dalam satu masa. Ruang yang sempit serta pelajar yang ramai akan memburukkan lagi suasana melakukan aktiviti di bengkel. Pelajar bukan sahaja tidak selesa untuk menjalankan kerja, besar kemungkinan kemalangan boleh berlaku dengan mudah. Selain itu, perkara seperti gangguan emosi, keadaan yang panas dan suasana yang tidak teratur boleh juga akibat terjadi kemalangan. Pelajar-pelajar kursus Amalan Bengkel Mesin aliran vokasional di sekolah teknik sering melakukan kerja amali di bengkel, pelajar banyak menggunakan alat-alat yang tajam, mesin-mesin, bahan yang mudah terbakar dan sebagainya.

Pelajar juga mempunyai risiko untuk mendapat kemalangan semasa bekerja di bengkel sekiranya mereka kurang peka terhadap langkah-langkah dan peraturan keselamatan yang disediakan. Ini kerana kemalangan boleh berlaku mana-mana sama ada di industri mahupun di sekolah. Ia dapat dilihat dari peristiwa yang berlaku di mana seorang guru Sekolah Menengah Teknik Bukit Katil, Melaka terkena renjatan semasa

sedang memperbaiki kipas akibat dari suis yang dihidupkan oleh pelajarnya. (Utusan Malaysia, 7 April. 2001)

Selain daripada itu ada juga kemalangan yang berlaku di sekolah –sekolah tidak didedahkan kepada media dan masyarakat umum. Pada tahun 1991, misalnya berlaku satu kamalangan yang serius melibatkan seorang pelajar Automotif di Sekolah Menengah Teknik Kuala Kangsar, Perak. Seluruh muka dan badannya telah melecur akibat memperbaiki salur radiator yang panas di mana saluran tersebut pecah secara tiba-tiba. Begitu juga dengan peristiwa yang berlaku di Sekolah Menengah Teknik Slim River pada tahun 1994. Ia melibatkan seorang pelajar ABM yang terpaksa dipotong hujung jari telunjuknya kerana hancur akibat terhempap sebatang besi. Perkara sebegini tidak berlaku sekiranya pelajar lebih berwaspada dan mematuhi paraturan keselamatan bengkel. (Abdul Basir, 2002)

1.3 Pernyataan Masalah

Dari peristiwa-peristiwa yang telah berlaku ini, maka penyelidik ingin membuat satu kajian terhadap amalan keselamatan di kalangan pelajar sekolah teknik ketika melakukan kerja amali di dalam bengkel. Oleh yang demikian, cadangan kajian ini bertujuan mengkaji amalan keselamatan bengkel di kalangan pelajar-pelajar kursus Amalan Bengkel Mesin aliran vokasional di beberapa buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Johor. Ia memberi fokus tentang amalan keselamatan bengkel semasa melakukan kerja amali di bengkel dari segi penggunaan pakaian dan peralatan pelindung diri, mempraktikkan langkah keselamatan, penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar dan sikap pelajar terhadap amalan keselamatan bengkel.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah :

- i Mengenalpasti sejauhmana pelajar mengutamakan aspek keselamatan diri semasa berada di dalam bengkel.
- ii Mengenalpasti sikap pelajar terhadap amalan keselamatan bengkel di dalam bengkel.

1.5 Persoalan Kajian

- i Apakah pakaian dan peralatan pelindung diri yang digunakan oleh pelajar semasa melakukan kerja amali di bengkel ?
- ii Sejauhmanakah pelajar mempraktikkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan kerja amali di dalam bengkel ?
- iii Sejauhmanakah pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan mesin dan peralatan di dalam bengkel ?
- iv Apakah sikap pelajar terhadap amalan keselamatan semasa melakukan kerja amali di dalam bengkel ?